

Syor DEB alih tumpuan bangun modal insan

BH-29/7/2007

Oleh Norfatimah Ahmad

KUALA LUMPUR: Kerajaan disaran mengalih tumpuan Dasar Ekonomi Baru (DEB) kepada pendekatan pembangunan baru berasaskan modal insan masyarakat Melayu dan bukan hanya mengejar sasaran 30 peratus ekuiti modal seperti yang diperjuangkan sejak 30 tahun lalu.

Perubahan kepada pelaksanaan dasar sentrik modal insan itu bertujuan melahirkan lebih ramai Melayu berkemahiran tinggi dan pakar dalam pelbagai bidang perniagaan, sekali gus mengelak ketirisan dan kebocoran yang dilihat merugikan kerajaan serta orang Melayu.

Saranan itu diluluskan persidangan perwakilan Umno Bukit Bintang semalam yang kemudian akan dirujuk kepada kepimpinan tertinggi Umno. Jika jika dipersetujui ia akan disenaraikan antara usul ekonomi pada Perhimpunan Agung Umno pada November ini.

Ketua Bahagiannya, Datuk Seri Abdul Azim Mohd Zabidi, berkata Umno perlu menghayati pendekatan modal insan dengan melaksanakan sistem pemantauan yang berkesan untuk mencapai objektif ketuanan ekonomi Melayu dalam masa 50 tahun lagi.

"Menerusi pembaharuan ini, galakan kerajaan bukan lagi kepada syarikat yang dimiliki Bumiputera, tetapi syarikat mempunyai 51 peratus minimum pekerja Melayu di setiap peringkat pengurusan dan kakitangan tanpa diskriminasi tangga gaji ser-

ta latihan.

"Insentif cukai atau dan ketiadaan halangan menjalankan perniagaan seperti pemberian lesen, permit atau tapak perniagaan akan menjadikan syarikat terbabit lebih menguntungkan dan berdaya saing, berbanding syarikat yang tidak membina modal insan Melayu," katanya pada mesyuarat itu semalam.

Mesyuarat dirasmikan Naib Presiden Umno merangkap Pengerusi Jawatankuasa Usul, Tan Sri Muhyiddin Yassin yang juga Pengerusi Jawatankuasa Usul Umno. Turut hadir, Timbalan Ketua Umno Bukit Bintang, Datuk Zulkifly Rafique.

Azim berkata, objektif untuk mencapai 30 peratus pegangan ekuiti orang Melayu dalam syarikat tersenarai juga jauh meleset dan ketika ini pegangan Bumiputera hanya kira-kira 18 peratus selepas kerajaan memperkenalkan pelbagai inisiatif dan polisi.

Beliau berkata, peruntukan RM200 bilion untuk pembangunan empat wilayah amat dialu-alukan, tetapi Umno sebagai parti tunggal BN adalah untuk membangunkan ekonomi Melayu supaya setanding bangsa lain dalam sektor ekonomi.

"Dengan tiadanya halangan pegangan ekuiti dalam syarikat yang beroperasi di Wilayah Pembangunan Iskandar Selatan Johor, polisi sentrik ekuiti Bumiputera tidak lagi relevan dan secara tidak langsung akan memudaratkan hasrat Umno untuk menghasilkan lebih ramai Melayu berdaya saing," katanya.